# SIARAN AKHBAR

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## AirAsia dan AirAsia X gondol Anugerah CSR

**KUALA LUMPUR, 20 JULAI 2017 – AirAsia dan AirAsia X merangkul Anugerah "*Company of the Year*: Kategori Syarikat Penerbangan" di Majlis Anugerah Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Malaysia 2017** di mana syarikat penerbangan tambang rendah jarak AirAsia X dinamakan sebagai juara projek komuniti manakala AirAsia dinobatkan sebagai juara yang memperjuangkan inisiatif kesedaran kanser dengan kempen #AirAsiaMAKNA.

**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Dato' Seri Rohani Abdul Karim** menyerahkan anugerah terbabit kepada **Pengarah Perhubungan Kerajaan AirAsia Zamani Rafique** di majlis anugerah yang diadakan di Kuala Lumpur hari ini.

Sepanjang tahun lepas, AirAsia X telah menyentuh kehidupan ramai dalam kalangan komuniti kurang bernasib baik, terutamanya, warga tua dan kanak-kanak dengan membawa suasana keceriaan pada musim perayaan, manakala AirAsia melancarkan kempen #AsiaAsiaMAKNA pada 2015 dan telah berjaya mengumpul dana dan menderma lebih daripada RM650,000 kepada Majlis Kanser Kebangsaan Malaysia (MAKNA) melalui beberapa siri usaha kutipan dana.

Disokong oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Anugerah CSR Malaysia dijalankan pada tahun yang kedua untuk meraikan usaha CSR yang cemerlang oleh syarikat korporat Malaysia bagi mempromosi ekonomi mampan melalui bantuan kepada masyarakat terpinggir dan usaha memulihara persekitaran bagi mengekalkan warisan negara untuk generasi akan datang.

Diterbit pada setiap suku tahun, CSR Malaysia adalah sebuah penerbitan yang mengketengahkan komitmen syarikat korporat di Malaysia untuk masyarakat keseluruhannya dan peranan mereka sebagai agen perubahan dalam mentransformasi sosio-ekonomi Malaysia.

Dapatkan maklumat lanjut tentang berita, aktiviti dan promosi terkini AirAsia, ikuti AirAsia melalui Twitter (twitter.com/AirAsia) dan Facebook (facebook.com/AirAsia).

***TAMAT***

# SIARAN AKHBAR

**About AirAsia**

AirAsia, the leading and largest low-cost carrier in Asia by passengers carried, services an extensive network of more than 120 destinations. Since starting operations in 2001, AirAsia has carried more than 400 million guests and grown its fleet from just two aircraft to over 200. The airline is proud to be a truly Asean (Association of Southeast Asian Nations) airline with established operations based in Malaysia, Indonesia, Thailand and the Philippines as well as India and Japan, servicing a network stretching across Asia, Australia and New Zealand, the Middle East and the US. AirAsia has been named the World's Best Low-Cost Airline at the annual Skytrax World Airline Awards nine times in a row from 2009 to 2017. AirAsia was also awarded World's Leading Low-Cost Airline for the fourth consecutive year at the 2016 World Travel Awards, where it beat a field of full-service carriers to become the first ever low-cost carrier to win World's Leading Inflight Service.

**For media enquiries, please contact:**

**Eugene Siew**
Group Communications, AirAsia X
Mobile: +6016 653 8221
siewhonleong@airasia.com